



kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Dosa lama hambat ketenangan jiwa

Lelaki tertekan kekasih terlanjur enggan kahwin

Soalan

APA yang akan saya ceritakan ini mungkin membuatkan Dr bera-sa keji dengan saya.

Saya sudah lama pendamkan perkara ini. Saya baru menamatkan pengajian dan mungkin ini juga penyebab rezeki saya tertutup.

Walaupun saya sedar dan bertaubat atas kesilapan lalu, perasaan saya masih belum tenang.


Semasa saya belajar dulu, dua tahun saya bercinta dengan seorang gadis satu kuliah. Malangnya saya gagal mengawal nafsu. Kami terlanjur. Hidup bagaikan suami isteri dan tahun lalu dia meminta memutuskan perhubungan.

Pada waktu itu kami baru saja tamat pengajian. Dalam satu bulan dia berubah. Walaupun saya bukan kekasih pertamanya, tetapi dia adalah perempuan pertamanya saya cintai. Dalam keadaan hubungan yang tidak menentu, kami masih lagi berhubung.

Saya mempunyai hubungan baik dengan ibunya. Ibunya tahu hubungan kami. Masalahnya, sejak dari dulu lagi saya mahu menceritakan hal sebenar antara kami.

Tapi dia membantah. Saya faham mungkin dia tidak mahu ibu dan ayahnya kecewa, tetapi perasaan bersalah setiap hari menghantui diri saya.

Saya tidak tahu macam mana ingin menyelesaikan perkara ini. Saya juga bingung, dia boleh berubah sekeli mata sedangkan dua tahun kami bersama.



Walaupun dia sudah meninggalkan saya, dia masih menghubungi saya apabila memerlukan pertolongan.

Tetapi apabila saya mendesaknya untuk berkahwin, dia akan mematikan telefon bimbitnya. Kami sering menghantar mesej dan kerana desakan saya, dia mengaku sudah ada pengganti. Saya sangat kecewa.

Saya perlukan bimbingan saat ini. Saya seorang lelaki dan perlu bertanggungjawab atas perbuatan saya. Haruskah saya berterus terang dengan ibunya? Hati saya

memberontak untuk berterus terang. Saya sangat buntu.

JEJAKA RESAH Negeri Sembilan

Jawapan

DR tidak merasa keji terhadap adik, malah sikap adik yang sudah bertaubat atas kesilapan lalu adalah sifat yang disukai dan dipandang tinggi oleh agama dan masyarakat. Memang bukan mudah untuk adik berasa tenang atas dosa-dosa yang dilakukan.

Perasaan bersalah yang adik pendam memang membelenggu diri. Hubungan

yang lama terjalin terputus begitu saja tanpa sebab munasabah. Kesedihan bertambah apabila hubungan sekian lama hancur dalam tempoh singkat.

Teman wanita belum bersedia untuk berkahwin dengan adik. Walaupun adik ingin bertanggungjawab terhadap dirinya, ternyata ada perkara yang menghalang dia untuk mendirikan mahligai dengan adik.

Terlalu memaksa teman wanita untuk berkahwin hanya akan memberi kesan psikologi yang lebih buruk.

Adik boleh bertanggungjawab atas kesilapan lalu dengan tidak mengulangi perbuatan terkutuk itu. Bertaubat adalah cara terbaik untuk kembali ke jalan yang diredha-Nya dan menunjukkan rasa bertanggungjawab adik. Sesungguhnya Allah amat menyayangi hamba-Nya yang sedar dan bertaubat.

Jika adik benar mencintai teman wanita, mohon dibukakan hatinya menerima adik. Soal jodoh adalah ketetapan Allah.

Jika dia mempunyai pasangan baru, doakanlah supaya mereka bahagia bersama. Jadikan hubungan adik dengannya sebagai satu pengajaran untuk hubungan pada masa depan.

Dr berharap adik akan tabah menghadapi dugaan ini. Sabar dan belajar daripada kesilapan lalu, moga adik diberi hidayah dan kekuatan sepanjang kehidupan.

Rendah diri kerana badan tak tinggi

Soalan

DR, saya menuntut di sebuah universiti di ibu kota. Apa yang menjadi kerisauan ialah saya dikurniakan dengan bentuk badan yang rendah.

Saya sering merasa malu dengan badan ini. Mana tahu Dr, tiada perempuan yang tidak mahu berkawan dengan saya sedangkan perasaan saya normal mahu memiliki pasangan.

Kadangkala saya tidak boleh tidur kerana memikirkan hal ini.

Saya takut tidak mendapat jodoh disebabkan bentuk badan ini kerana sebagai insan biasa saya juga mempunyai perasaan ingin dicintai.

Ini juga membuatkan saya berasa rendah diri dan takut mendekati wanita. Saya jadi pendiam meskipun sebenarnya saya sangat peramah.

JEJAKA RENDAH DIRI Kuala Lumpur

Jawapan

CINTA buta tidak mengenal rendah atau tinggi seseorang itu. Apabila hati sudah berpaut, tiada sempadan akan timbul, tiada syarat akan dikenakan dan hanya hati yang akan berbunga.

Berapa ramai lelaki rendah yang sudah bertemu jodoh, malah hidup aman bahagia kerana cinta dan kebahagiaan itu dibina atas elemen kasih sayang,

hormat menghormati dan tidak meletakkan syarat.

Jika perempuan tidak mahu berkawan dengan adik hanya kerana bentuk badan yang rendah, ternyata perempuan itu terlepas elemen kebaikan dan kekuatan adik yang lain.

Setiap manusia ada kekuatan dan kelemahan. Bukan adik seorang, malah lelaki yang kacak dan serba sempurna juga ada kelemahannya.

Justeru, anugerah fizikal yang diberi, dalam keadaan apapun tidak perlu dikesali.

Bina kekuatan atas elemen lain. Contohnya kemahiran berhubung, bijak mengambil hati dan tidak mempersendakan lain.

Lagi pun, keunikan personaliti manusia tentunya membuatkan ada wanita yang lebih menggemari lelaki pendek berbanding yang bertubuh tinggi.

Malah, adik juga mempunyai kelebihan yang tidak diketahui kerana disembunyikan akibat rasa rendah diri. Dr percaya sekiranya adik meletakkan semua kekurangan itu ketepi, pasti adik akan bertemu dengan wanita sesuai.

Berusalahlah menerima kekurangan diri dan bina kekuatan untuk menjadikan diri adik istimewa di mata orang lain.

